

BULETIN E.K.S.A. HOSPITAL SULTAN HAJI AHMAD SHAH

BERSIH, KEMAS & SELAMAT

PENGIKTIRAFAN PERSIJILAN EKSA OLEH MAMPU TAHNIAH HOSHAS!



EDISI I 2016

3 MAC 2016

Mukasurat I



18-20 Nov 2015 merupakan tarikh yang penuh debaran bagi semua kakitangan Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS), Temerloh. Setelah mengharungi pelbagai cabaran dan penambahbaikan sejak 2013 untuk memastikan seluruh warga hospital menjadikan amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) sebagai satu budaya, maka pada hari tersebut, bermulalah sesi penguditan amalan EKSA di hospital ini. Sesi audit oleh pihak MAMPU dijalankan oleh 2 orang pegawai audit mereka iaitu En Ahmad Najme Mu-

hammad dan En Hishamuddin Ahmad, yang sangat berpengalaman dalam pelaksanaan EKSA.

Pada hari pembukaan audit,



pihak auditor telah menyampaikan taklimat ringkas mengenai sesi audit selama 3 hari tersebut.

Laporan penemuan keseluruhan audit EKSA termasuk teguran dan contoh amalan yang baik, telah diumumkan di auditorium hospital dengan dihadiri oleh hampir

semua ketua jabatan, ketua zon dan warga hospital pada hari terakhir sesi audit tersebut. En Ahmad Najme Muhammad, selaku ketua kumpulan auditor MAMPU mendapati bahawa, walaupun terdapat beberapa perkara yang memerlukan penambahbaikan, HoSHAS secara keseluruhannya, berjaya mengamalkan EKSA dalam perkhidmatan setiap hari.



Akhirnya, secara rasmi HoSHAS telah diiktiraf untuk menerima Persijilan EKSA MAMPU bermula 15 Dis 2015 sehingga 14 Dis 2017.

KANDUNGAN BULETIN	
Pengiktirafan Persijilan EKSA oleh MAMPU. Tahniah HoSHAS!	1
Lagu rasmi EKSA HoSHAS. Kreativiti yang dibanggakan	1
Audit EKSA: Pengalaman dan Pembelajaran	2-3
Antara organisasi/ jabatan yang mendapat pengiktirafan persijilan EKSA MAMPU	4
Setinta kata. Penutup bicara	4

TONGGAK KEJAYAAN PERSIJILAN EKSA BERMULA DARI SOKONGAN PADU Y.H DATO' PENGARAH DAN PIHAK PENGURUSAN HOSPITAL SULTAN HAJI AHMAD SHAH



“Disiplin tinggi, semangat kerja berpasukan, khidmat berkualiti meningkatkan kepuasan pelanggan..”

Tersebut adalah antara barisan lirik yang terkandung dalam lagu rasmi EKSA HoSHAS. Ia telah dipersembahkan pada hari pertama Audit

batan Bius sebagai pembuka acara majlis. Lagu dan lirik tersebut telah dicipta sepenuhnya oleh saudara Luqman Chong bin Mohd Abdullah Chong, seorang Jururawat U29 yang terkenal dengan semangat dan daya kreativiti yang tinggi. Hasil usaha beliau dan rakan-rakan, telah berjaya mencuit perhatian

LAGU RASMI EKSA HOSHAS: KREATIVITI YANG DIBANGGAKAN

EKSA Hospital Sultan Haji Ahmad Shah di auditorium oleh sekumpulan kakitangan dari Ja-

auditor semasa lagu tersebut disampaikan dengan penuh semangat.



BULETIN E.K.S.A. HOSPITAL SULTAN HAJI AHMAD SHAH

AUDIT EKSA: PENGALAMAN DAN PEMBELAJARAN

Hampir 90% zon EKSA di hospital ini telah diaudit manakala selebihnya tidak diaudit berikutan kriteria serta fungsi perkhidmatan zon adalah hampir sama. Keputusan pencapaian markah bagi audit dalam juga dinilai dan dijadikan antara sumber rujukan untuk sasaran audit. Pengauditan secara umumnya berlandaskan kriteria audit EKSA yang sedia ada.

Semasa sesi tersebut, auditee yang terlibat bukan sahaja perlu membuat penambahbaikan untuk setiap teguran audit, bahkan mereka juga berpeluang mempelajari dan memahami amalan EKSA yang betul agar dapat memanfaatkannya dalam perkhidmatan seharian yang dijalankan oleh sesebuah organisasi tersebut.



ZON PATOLOGI (Aras 3):

Merupakan zon pertama yang diaudit oleh pihak MAMPU. Zon ini mempunyai pecahan 4 subzon yang telah dilawati kesemuanya, oleh pihak auditor. Terdapat beberapa perkara dan cadangan baru yang telah dikemukakan oleh pihak auditor, secara langsung memberi banyak manfaat dan pengetahuan baru kepada auditee untuk tindakan penambahbaikan.

ZON PENGURUSAN (Aras 3):

Zon ini mempunyai lingkungan subzon terbesar berbanding dengan zon-zon lain. Walaubagaimanapun, kesungguhan usaha dan tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh setiap ahli zon, mendapat penghargaan dari pihak auditor.



ZON REHABILITASI (Aras 2):

Antara zon yang mendapat pujian oleh pihak auditor MAMPU. Selain daripada persekitaran yang kondusif, ia juga sangat selamat untuk pesakit yang datang mendapatkan perkhidmatan rehabilitasi di jabatan ini.

ZON FORENSIK & KENDERAAN (Aras 1):

Zon yang mempunyai 2 pecahan subzon ini turut mendapat perhatian auditor. Meskipun kekurangan ahli dan kebanyakannya bertugas di luar kawasan zon, keadaan persekitaran kerja tetap terpelihara dan sentiasa dipantau dari masa ke semasa oleh Jawatankuasa EKSA Zon tersebut.



AUDIT EKSA: PENGALAMAN DAN PEMBELAJARAN (SAMB..)

ZON FARMASI (Aras 2):

Pemeriksaan stok dan tahap keselamatan (pesakit, pekerja dan persekitaran) semasa menjalankan perkhidmatan adalah antara aspek yang diberi penekanan semasa sesi audit di zon ini. Pihak auditor turut berpuas hati terhadap inisiatif diambil oleh ahli zon ini dalam mempertingkatkan tahap keselamatan pengubatan pesakit.



ZON PENYELIAAN / KEJURURAWATAN/ KESIHATAN AWAM/ SUMBER 2 (Aras 3):

Zon yang terdiri daripada campuran pelbagai unit pengurusan ini mempunyai susun atur dan persekitaran yang kemas dan kondusif. Justeru pihak auditor menasihatkan agar ia dapat dikekalkan serta dipantau untuk sebarang tindakan penambahbaikan apabila diperlukan.



ZON PENGIMEJAN DIAGNOSTIK (Aras 2):

Setiap sesi lawatan/audit, pihak auditee juga tidak akan melepaskan peluang untuk mendapatkan komen / pandangan dari pihak pelawat mengenai perkara yang perlu dikekalkan atau dibuat penambahbaikan. Catatan/komen pelawat khususnya auditor akan direkod pada buku lawatan di zon tersebut.



ZON NICU / SCN (Aras 4):

Penerangan ringkas mengenai skop perkhidmatan dan amalan EKSA yang dijalankan di zon ini disampaikan oleh Ketua Zon bersama pegawai yang menjaga, iaitu Ketua Jururawat yang bertugas.



ZON KAFETERIA & KEDAI KESUKES (Aras 2):

Meskipun zon ini dipenuhi dengan pelawat hospital pada setiap masa, namun ahli zon tetap tekun dan cekal meneruskan amalan budaya EKSA. Justeru, ia turut mendapat perhatian pihak auditor pada hari tersebut.



SIDANG PENGARANG BULETIN EKSA HOSHAS

DR. WAN AEISYAH WAN AHMED

DR. NOR SUHAILA MD RIFFIN

PN. SHARIFAH NOR SAZLIN SYED ZAINUDDIN

CIK YASMIN IBRAHIM

EN. ABD HISHAM ZAHARI

PN. HAZAINI MUHAMAD

PN. LAILATUL NAZIRA ABD RAHMAN

EN. LUQMAN CHONG MOHD ABDULLAH CHONG

EN. ASMAWI NORDIN

EN. FAIZAL KAMAL

PN. NURUL AIDA DOLLAH

PN. ZILAHUMI MOHD

PN. FARAHIYAH KARANAINI



Layari perkembangan aktiviti EKSA di
[Facebook](#)
EKSA Hospital Sultan Haji Ahmad Shah

ANTARA ORGANISASI/JABATAN YANG MENDAPAT PENGIKTIRAFAN PERSIJILAN EKSA MAMPU

1	Farmasi, Klinik Kesihatan Jelapang dan Klinik 1Malaysia Meru	Perak	01 Disember 2014	30 November 2016
2	Farmasi, Klinik Kesihatan Chemor dan Klinik 1Malaysia Tawar	Perak	01 Disember 2014	30 November 2016
3	Farmasi, Klinik Kesihatan Manjoi	Perak	01 Disember 2014	30 November 2016
4	Farmasi, Klinik Kesihatan Biji Timah	Perak	01 Disember 2014	30 November 2016
5	Farmasi, Klinik Kesihatan Buntong	Perak	01 Disember 2014	30 November 2016
6	Farmasi, Klinik Kesihatan Gunung Rapat	Perak	01 Disember 2014	30 November 2016
7	Farmasi, Klinik Kesihatan Chemor dan Klinik 1Malaysia Meru	Perak	01 Disember 2014	30 November 2016
8	Farmasi, Klinik Kesihatan Tronoh	Perak	01 Disember 2014	30 November 2016
9	Farmasi, Klinik Kesihatan Tanjung Tualang	Perak	01 Disember 2014	30 November 2016
10	Farmasi, Klinik Kesihatan Tanjung Rambutan	Perak	01 Disember 2014	30 November 2016
11	Farmasi, Klinik Kesihatan Batu Rakit, Terengganu	Terengganu	15 Disember 2014	14 Disember 2016
12	Farmasi, Klinik Kesihatan Seberang Takir, Terengganu	Terengganu	15 Disember 2014	14 Disember 2016
13	Farmasi, Klinik Kesihatan Bukit Tunggul, Terengganu	Terengganu	15 Disember 2014	14 Disember 2016
14	Farmasi, Klinik Kesihatan Manir, Terengganu	Terengganu	15 Disember 2014	14 Disember 2016
15	Farmasi, Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Air Jerneh, Terengganu	Terengganu	15 Disember 2014	14 Disember 2016
16	Farmasi, Klinik Kesihatan Hiliran, Terengganu	Terengganu	15 Disember 2014	14 Disember 2016
17	Biro Pengawalan Farmasetikal Kebangsaan	WP K. Lumpur	15 Disember 2014	14 Disember 2016
18	Hospital Duchess of Kent Sandakan	Sabah	15 Julai 2015	14 Julai 2017
19	Klinik Pergigian Jalan Air Jerneh	Terengganu	15 September 2015	14 September 2017
20	Klinik Pergigian Seberang Takir	Terengganu	15 September 2015	14 September 2017
21	Klinik Pergigian Jerneh	Terengganu	15 September 2015	14 September 2017
22	Klinik Pergigian Kuala Besut	Terengganu	15 September 2015	14 September 2017
23	Klinik Pergigian Marang	Terengganu	15 September 2015	14 September 2017
24	Klinik Pergigian Bukit Payong	Terengganu	15 September 2015	14 September 2017
25	Klinik Pergigian Besar Dungun	Terengganu	15 September 2015	14 September 2017
26	Klinik Pergigian Al Muktafi Billah Shah	Terengganu	15 September 2015	14 September 2017
27	Klinik Pergigian Chukai	Terengganu	15 September 2015	14 September 2017
28	Klinik Pergigian Kemaman	Terengganu	15 September 2015	14 September 2017
29	Klinik Pergigian Permaisuri	Terengganu	15 September 2015	14 September 2017
30	Klinik Pergigian Rahmat	Terengganu	15 September 2015	14 September 2017
31	Klinik Pergigian Aji	Terengganu	15 September 2015	14 September 2017
32	Klinik Pergigian Tengkuawang	Terengganu	15 September 2015	14 September 2017
33	Klinik Pergigian Kuala Berang	Terengganu	15 September 2015	14 September 2017
34	Klinik Bedah Mulut Kuala Terengganu	Terengganu	15 September 2015	14 September 2017
35	Klinik Pergigian Jalan Sultan Mahmud	Terengganu	15 September 2015	14 September 2017
36	Hospital Sipitang	Sabah	1 November 2015	31 Oktober 2017
37	Hospital Pitas	Sabah	15 November 2015	14 November 2017
38	Hospital Kudat	Sabah	15 November 2015	14 November 2017
39	Hospital Kunak	Sabah	15 Disember 2015	14 Disember 2017
40	Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh	Pahang	15 Disember 2015	14 Disember 2017
41	Unit Pengimejan Diagnostik, Klinik Kesihatan Bayan Baru	Pulau Pinang	1 Mac 2016	28 Februari 2018
42	Unit Pengimejan Diagnostik, Klinik Kesihatan Bandar Baru Air Itam	Pulau Pinang	1 Mac 2016	28 Februari 2018
43	Unit Pengimejan Diagnostik, Klinik Kesihatan Seberang Jaya	Pulau Pinang	1 Mac 2016	28 Februari 2018
44	Unit Pengimejan Diagnostik, Klinik Kesihatan Sungai Dua, Seberang Prai Utara	Pulau Pinang	1 Mac 2016	28 Februari 2018
45	Unit Pengimejan Diagnostik, Klinik Kesihatan Penaga	Pulau Pinang	1 Mac 2016	28 Februari 2018
46	Unit Pengimejan Diagnostik, Klinik Kesihatan Kepala Batas	Pulau Pinang	1 Mac 2016	28 Februari 2018
47	Unit Pengimejan Diagnostik, Klinik Kesihatan Tasek Gelugor	Pulau Pinang	1 Mac 2016	28 Februari 2018
48	Hospital Beaufort	Sabah	15 April 2016	14 April 2018
49	Hospital Peringatan Rajah Charles Brooke (RCBM)	Sarawak	1 Mei 2016	30 April 2018
50	Kolej Kejururawatan Kuantan	Pahang	15 Julai 2016	14 Julai 2018

SETINTA KATA. PENUTUP BICARA

Antara ucapan penutup dan amanat dari Y.H Dato Pengarah Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, selaku Penasihat EKSA HoSHAS:

1. Ribuan terima kasih kepada pihak auditor MAMPU di atas segala tunjuk ajar dan teguran yang telah diberikan.
2. Sekalung tahniah dan setinggi penghargaan kepada semua warga hospital yang telah bertungkus lumus membuat persiapan menghadapi audit serta merealisasikan pengiktirafan EKSA MAMPU ini.
3. Budaya EKSA yang diamalkan, memberi impak yang positif kepada sistem perkhidmatan kesihatan di hospital ini.
4. Harapan agar semangat utuh dan usaha jitu seluruh warga HoSHAS sejak 2013 tidak terhenti di sini.

'Anda akan berjaya jika anda TIDAK menyerah kalah'



Sebahagian daripada AJK Induk EKSA HoSHAS 2014/2015 yang hadir pada hari penerimaan Sijil Pengiktirafan EKSA MAMPU (Dari kiri: Dr. Nor Suhaila, Dr. Firdaus, Cik Shamsuriati, Pn Che Ton (selaku Penyelaras EKSA HoSHAS), Pn Sharifah & Dr. Roziana. Tiada dalam gambar: Pn Jezliiy)



"Kejayaan itu adalah apabila hati kekal bersatu"

